

## **UCAPAN HARI DEEPAVALI YB. MENTERI KERJA RAYA**

Belum sebulan berlalu umat Islam merayakan Hari Raya Aildilfitri, kini tiba pula giliran masyarakat beragama Hindu akan menyambut Perayaan Deepavali. Hari Deepavali atau pesta cahaya ini adalah sambutan tanda kemenangan kuasa baik yang mengatasi kuasa kejahatan bagi penganut agama Hindu. Dalam konteks negara Malaysia yang terdiri daripada bangsa yang berbilang kaum, sudah semestinya kita bertuah kerana dapat bersama-sama berkongsi dan menikmati bersama lebih daripada satu perayaan besar dalam setahun. Pesta Cahaya atau Deepavali jika diterjemahkan dalam konteks kehidupan kita, semestinya kita mahu kemenangan dan nilai positif mengatasi sifat-sifat negatif yang ada pada kita demi memartabatkan keagungan bangsa kita, terutamanya Bangsa Malaysia.

“Cahaya” dalam pemahaman masyarakat Hindu juga dilihat sebagai satu kekuatan dan sinar baru untuk kita berubah dari satu tahap yang lebih baik berbanding sebelumnya. Peribahasa Melayu menyatakan, “Bulat Air Kerana Pembentung, Bulat Manusia Kerana Muafakat. Hanya permuafakatan dan kerjasama berterusan antara kita semua tanpa mengira bangsa adalah tunjang kejayaan kepada negara kita yang dicintai.

Sebagai ketua keluarga di Kementerian ini, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali kepada seluruh warga KKR dan agensi di bawahnya yang beragama Hindu. Semoga “ cahaya ” pada tahun ini akan membawa satu sinar dan lembaran baru kepada KKR dan agensinya demi memartabatkan negara ke persada antarabangsa.

**DATO' SHAZIMAN ABU MANSUR**  
**MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA**